

UTUSAN MELAYU (Hello Campus) 8/1/14 ( Rabu) 1.S : 12

Bagi meluaskan jaringan kerjasama dalam bidang keselamatan , kesihatan pekerjaan

# UMP, Kolej KLIA tandatangani MoU

Oleh SYAH HAIRIZAL  
KAMALUL ARIFIN  
utusanuktr@gmail.com

**KUANTAN** 7 Jan. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama Kolej Profesional dan Pengurusan KLIA (Kolej KLIA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meluaskan jaringan kerjasama dalam bidang keselamatan serta kesihatan pekerjaan.

Sebanyak tiga dokumen ditandatangani iaitu berkaitan perkhidmatan bagi mengkaji, mencadang dan menyediakan Pelan Tindakan Penambahan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dalam sektor perlombongan dan kuari.

Selain itu, MoU itu melibatkan kajian mengenai kos kemalangan di tempat kerja bagi sektor perkhidmatan utiliti antara UMP dan konsumen KLIA.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP, Prof. Dr. Mashitah Mohd Yusof berkata, persefahaman itu bakal membawa dimensi baharu yang lebih kompetitif

dalam mewujudkan hubungan dua hala.

"Menjadi hasrat UMP untuk menjalankan kewujudannya pada koordinat strategik dalam memberi nilai tambah kepada bidang berikanan kepakaran dan kebitaran yang dimiliki di universiti ini.

"UMP amat mengalukan kesediaan Kolej KLIA untuk tampil sebagai rakan strategik terkininya bagi memacu hala tuju dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di Malaysia," katanya yang berucap dalam majlis tersebut di Kolej KLIA Sepang, Selangor, baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kolej KLIA, Kamarulzaman Musa; Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHHMO), Ir. Dr. Ahmad Rasdan Ismail dan Pensyarah Fakulti Teknologi UMP, Dr. Norazura Ismail.

Tambah Mashitah, sebagai sebuah universiti, aktiviti akademik yang dijalankan tidak terhad kepada pengajaran dan pembelajaran tetapi turut meliputi penyelidikan dan per-

rundingan.

Katanya, sejajar dengan perubahan masa dan peredaran zaman, perhatian khusus diberikan terhadap usaha memperkasakan aktiviti penyelidikan dalam bidang OSH melalui Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Beliau percaya, komitmen tinggi kedua-dua pihak akan membentuk ikatan strategik itu dilaksanakan melalui penerokaan dalam bidang kerjasama yang berpotensi untuk dikembangkan.

Dalam pada itu, Naib Presiden Kanan KLIA Premier Holding Sdn. Bhd., Ir. Nazaruddin Mohd. Nordin berkata, pihaknya yakin hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak dapat diperluaskan dari semasa ke semasa.

"Antaranya, termasuklah perkongsian ilmu bagi bidang kajian, perkongsian tenaga pengajar, fasiliti dan penawaran program atau kursus sedia ada," ujarnya.

Beliau berharap, usaha itu akan menjadi inisiatif dalam menyediakan platform terbaik kepada sektor pengajaran tinggi negara.



MASHITAH Mohd. Yusof (dua kiri) bertukar dokumen dengan Nazaruddin Mohd. Nordin (dua kanan) pada majlis menandatangani MoU di Kolej KLIA Sepang, Selangor, baru-baru ini.